

**BN Perlu Beri Tumpuan Bentuk Semula Kerajaan Di Selangor - Mubarak Bernama  
13 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) perlu memberikan tumpuan sepenuhnya kepada usaha mencatat kemenangan di Selangor pada pilihan raya umum ke-13 bagi membentuk semula kerajaan di negeri itu, kata Yang Dipertua Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Selangor, Tan Sri Abu Hassan Omar.

Sebaliknya, kata beliau, sebarang cakap-cakap mengenai siapa yang layak mengisi jawatan Menteri Besar Selangor sekiranya BN kembali berkuasa di negeri itu adalah tidak penting buat masa ini.

Katanya pendirian berkenaan telah disampaikan oleh Mubarak kepada pengetahuan pucuk kepimpinan BN Selangor yang diterajui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

"Memang perkara ini sudah diperhatikan sejak sekian lama. Begitu juga di pihak Perdana Menteri. Namun soal sama sudah ada calon-calon sesuai dikenal pasti untuk jawatan Menteri Besar Selangor, itu terpulang kepada budi bicara Perdana Menteri.

"Tetapi apa yang pasti, daripada lebih 30 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang BN ada, takkanlah kita tidak dapat pilih seorang calon untuk mengisi jawatan berkenaan. Ini adalah mustahil. Adalah tidak adil untuk pihak tertentu melabelkan ADUN-ADUN kita tidak mempunyai keupayaan untuk mentadbir Selangor," katanya ketika ditemuramah dalam program "Dalam Radar" terbitan Bernama Radio24, pada Khamis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658876>